



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

## SIARAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

### BANTUAN KEWANGAN RM500 SECARA ‘ONE-OFF’ KEPADA PEMANDU BAS EKSPRES MELIBATKAN ANGGARAN 6 RIBU PENERIMA

Soal kebijakan rakyat khususnya pemain dalam industri pengangkutan sentiasa menjadi keutamaan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), lebih-lebih lagi ketika berdepan pandemik COVID-19 yang memberi kesan kepada semua pihak termasuk pemandu bas ekspres di seluruh negara.

Sehubungan itu, MOT telah membangkitkan permasalahan melibatkan perkara ini kepada Kabinet dan susulan itu Kementerian Kewangan telah bersetuju untuk memperuntukkan bantuan kewangan secara sekali-beri atau ‘one-off’ berjumlah RM 500 kepada semua pemandu bas ekspres di seluruh negara. Pemberian bantuan ini akan melibatkan anggaran 6,600 penerima dengan peruntukan berjumlah RM3.3 juta di bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+).

Syarat-syarat kelayakan akan ditetapkan oleh pihak MOT bersama Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) serta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah dan LPKP Sarawak bagi tujuan penyaluran bantuan ini. Proses penyaluran bantuan akan dilaksanakan dengan segera sebaik sahaja peruntukan bantuan diterima oleh MOT dan agensi-agensi pelaksana berkaitan.

Namun, sebagai pemakluman awal, syarat-syarat utama bagi menentukan kelayakan penerima bantuan ini yang akan ditetapkan kepada pemandu bas ekspres adalah seperti berikut:-

1. Individu / pemandu bas ekspres adalah warganegara Malaysia;
2. Individu / pemandu adalah berdaftar secara rasmi sebagai pekerja dengan syarikat bas ekspres, dan mempunyai caruman PERKESO yang masih sah, di mana caruman PERKESO adalah dilaksanakan oleh pihak syarikat / pengusaha bas ekspres;
3. Individu / pemandu bas ekspres mempunyai Lesen Vokasional yang sah dengan mengambil kira tempoh pengecualian pembaharuan Lesen Vokasional yang telah diberikan oleh MOT sepanjang tahun 2021;
4. Hanya syarikat atau pengusaha bas ekspres yang mempunyai lesen pengendali dan/atau lesen/permit kenderaan bas ekspres yang sah dengan APAD atau LPKP Negeri Sabah/Sarawak yang layak memohon bantuan ini bagi pemandu bas ekspres mereka;





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA

5. Individu / pemandu yang telah menerima bantuan sebagai pemandu bas sekolah, bas pelancongan, teksi atau e-hailing sebelum ini tidak lagi layak menerima bantuan kepada pemandu bas ekspres;
6. Pihak syarikat / pengusaha bas ekspres adalah dikehendaki mengemukakan maklumat individu / pemandu bas ekspres di bawah syarikat masing-masing yang lengkap (mengikut template yang akan ditetapkan) kepada pihak APAD dan LPKP Negeri Sabah dan LPKP Negeri Sarawak bagi tujuan saringan kelayakan dan penyaluran bantuan. Bagi tujuan ini, pihak syarikat / pengusaha bas ekspres bolehlah mula menghubungi Pejabat APAD dan LPKP Negeri Sabah dan LPKP Negeri Sarawak terdekat bagi tujuan penyelarasan pemberian bantuan ini.

MOT juga akan mengenalpasti langkah-langkah yang lain dan meneliti garis panduan bagi membantu pihak pengusaha bas ekspres dapat menyediakan perkhidmatan kepada tahap yang normal, dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara (MKN), pihak berwajib yang lain dan persatuan syarikat/pengusaha bas ekspres.

Garis panduan dan langkah pengoperasian yang selamat akan dibangunkan bagi membantu pihak syarikat / pengusaha bas ekspres dapat memulakan perkhidmatan dengan baik apabila perjalanan rentas sempadan dibenarkan kelak, serta bagi menyokong pelaksanaan perjalanan pelancongan domestik terhad yang akan dibenarkan oleh Kerajaan dalam fasa-fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Mudah-mudahan dengan penyaluran bantuan ini dapat memberi kelegaan kepada pemandu bas ekspres dalam mengharungi waktu sukar akibat pandemik COVID-19 seterusnya kembali bangkit untuk meneruskan operasi apabila keadaan beransur pulih sepenuhnya kelak.

**DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG  
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA  
24 SEPTEMBER 2021**

-TAMAT-

**Pertanyaan Media:**

**Kementerian Pengangkutan Malaysia**

Hotline 1800-88-7723  
Faks +603 8892 0208  
E-mel [aduan@mot.gov.my](mailto:aduan@mot.gov.my)

